

LINE  
SERIES

S  
R  
E

# 2016 LAPORAN TAHUNAN

-----  
PERPUSTAKAAN UTM



.....  
LAPORAN  
TAHUNAN

2016

PERPUSTAKAAN UTM  
.....



Taman Ilmu  
*(Garden of knowledge)*

Information Excellence

# KANDUNGAN:

Profil Perpustakaan UTM	
Pencapaian Key Amal Indicator (KAI) Perpustakaan 2016	21
Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia	25
Prestasi Pengurusan Kewangan	28
Pembangunan Koleksi	30
Pencapaian Perkhidmatan	39
Pengurusan Kualiti	54
Anugerah Dan Kecemerlangan	59
UTM <i>Institutional Repository</i>	60
Persidangan Pustakawan	62
Khidmat Masyarakat	64
Peristiwa Penting 2016	67
Jawatankuasa Penerbitan	71

## PENGENALAN

**Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi sumbangan besar kepada proses pembelajaran, pengajian dan penyelidikan di UTM khasnya dan negara amnya. Perpustakaan UTM berdiri teguh dengan kekuatan cawangan di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan tiga belas (13) perpustakaan fakulti. Perpustakaan UTM turut bekerjasama dengan *School of Professional and Continuing Education (SPACE)* dalam menguruskan koleksi pusat sumbernya di seluruh Malaysia.

Selaras dengan status Universiti Teknologi Malaysia sebagai Universiti Penyelidikan, Perpustakaan UTM mempunyai koleksi yang mantap dalam bidang sains dan teknologi serta berperanan sebagai penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan penyelidikan dan juga masyarakat sekitarnya. Pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan perkembangan koleksi, perkhidmatan dan ruang fizikal. Sehingga kini, koleksi perpustakaan telah melebihi empat juta bahan yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan media elektronik. Perkhidmatan dan operasi perpustakaan disokong oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan turut boleh dicapai melalui katalog atas talian menerusi portal perpustakaan. Perpustakaan UTM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam bidang teknologi, komunikasi dan maklumat selaras dengan matlamat perpustakaan untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada penggunanya.

PERPUSTAKAAN  
SULTANAH ZANARIAH  
LIBRARY

PA

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH

PERPUSTAKAAN RAJA Zarith Sofiah

Raja Zarish Sofiah Library

Information Excellence

# PERPUSTAKAAN SULTAN



# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN UTM

# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN UTM 2016

**Dr. Hajjah Kamariah binti Nor Mohd Desa**  
Ketua Pustakawan



**Anuar bin Talib**  
Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perancangan & Pembangunan)



**Noraziah binti Sharuddin**  
Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perkhidmatan)



**Nor Asikin binti Mohamad**  
Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perpustakaan Raja Zarith Sofiah)



**Nik Masriza binti Zakaria**  
Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Kuala Lumpur)



**Badariah binti Borham**  
Ketua Bahagian  
Katalog, Hadiah & Pertukaran



**Noraini binti Yahya**  
Ketua Bahagian  
Perkhidmatan Maklumat  
Penyelidikan & Sirkulasi



**Haslina binti Othman**  
Ketua Bahagian  
Pembangunan Sumber




**Zaleha binti Atan**  
Ketua Bahagian Perkhidmatan  
Maklumat & Penyelidikan



**Kamariah binti Mohamed Jong**  
Ketua Bahagian  
Repositori Metada



**Mohd Nasir bin Ibrahim**  
Ketua Bahagian  
Pengurusan Koleksi



**Haslina binti Nasir**  
Ketua Bahagian  
Automasi



**Zafarina binti Dol**  
Ketua Bahagian  
Pentadbiran & Kewangan




# **STRUKTUR ORGANISASI 2016**

## **STRUKTUR ORGANISASI 2016**

- 04** Timbalan Ketua Pustakawan
- 10** Bahagian
- 38** Unit
- 13** Buah Perpustakaan Fakulti

Pengurusan Perpustakaan UTM merangkumi Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD),13 buah perpustakaan fakulti di Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Menara Razak dan Perpustakaan Malaysian - Japan International Institute of Technology (MJIT) di Kuala Lumpur. Selain daripada itu, Perpustakaan School of Professional and Continuing Education (SPACE) juga di bawah pengurusan Perpustakaan UTM. Struktur organisasi Perpustakaan UTM diterajui oleh Ketua Pustakawan dan dibantu oleh 4 Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat 11 bahagian dan 38 unit yang diketuai oleh Ketua Bahagian.

## KETUA PUSTAKAWAN





## VISI

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains & teknologi.

## MISI

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains & teknologi.

## OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan berdasarkan maklumat kepada pelanggan.
- Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan & penerbitan UTM.
- Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam & luar UTM.
- Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam & luar UTM

## MOTTO

**“KECEMERLANGAN  
INFORMASI”**





## POLISI KUALITI PERPUSTAKAAN UTM

### OBJEKTIF KUALITI

Perpustakaan UTM memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh dicapai dengan memastikan :

- Staf beretika, mahir dan profesional.
- Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
- Keselamatan sumber terpelihara.
- Proses kerja berkesan dan cekap.
- Penggunaan teknologi di tahap intensif.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut:

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan melengkapkan Koleksi Khas dan UTM *Institutional Repository* (UTM-IR) sehingga tahun terkini.
- Mengkatalog semua penulisan UTM sehingga tunggakan sifar.
- Minimum 5% pendepositon rekod di UTM *Institutional Repository* (UTM-IR) bagi tahun semasa .
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun.
- Memastikan penyelenggaran perpustakaan digital dilaksanakan secara berterusan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna.
- Melaksanakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu mengikut keperluan semasa.
- Mengaudit pelaksanaan Standard People Practice sekurang-kurangnya 1 kali setahun.



## PIAGAM PELANGGAN

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan :

- Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum pertengahan bulan September bagi peralatan kecuali bahan bacaan setiap tahun.
- Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar.
- Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkamasa yang ditetapkan.
- Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan.
- Memastikan pelanggan diberi layanan di Kaunter Sirkulasi dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.
- Memastikan persekitaran Perpustakaan selamat dan kondusif.



## Citra Karisma

Malai Anugerah Kebermerdakangan &  
Kemahiran Muda UTM 2016

ANUGERAH  
LIBRARIANICS  
DAGANG DAN KINERJA

PERPUSTAKAAN UTM

31 MEI 2016


Information Excellence

# PENCAPAIAN 2016

# PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) 2016


Prestasi Perpustakaan UTM dilaporkan berdasarkan kepada program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan berdasarkan rangka kerja strategik yang ditetapkan iaitu melalui Key Amal Indicators (KAI) UTM. KAI Perpustakaan UTM dan objektif kualiti bagi prosedur di Sistem Pengurusan Kualiti. Sistem Pengurusan Kualiti mempunyai prosedur yang mempunyai objektif kualiti bagi proses teras yang telah ditetapkan. Impak secara menyeluruh melalui program dan aktiviti yang dijalankan berjaya

memantapkan pengurusan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan dengan mengambilkira keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan bagi memenuhi kepuasan pelanggan dengan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan. Key Amal Indicators (KAI) Perpustakaan UTM digariskan dalam Pelan Global Universiti 2012-2020 iaitu di bawah Bidang Tumpuan Utama 3 iaitu Kampus Lestari, Infrastruktur, Sistem (ICT), Libatsama Komuniti dan Jaringan Industri.



Perpustakaan UTM telah menetapkan 32 KAI bagi tahun 2016. Rajah di atas menunjukkan pecahan KAI yang terdiri daripada 4 perspektif utama iaitu Stakeholder Perspective, Internal Process Perspective, Learning and Growth Perspective dan Resource Perspective. Perpustakaan UTM telah menetapkan KAI di setiap persektif iaitu 3 KAI untuk Stakeholder Perspective, 21 KAI untuk Internal Process Perspective, 5 KAI untuk Learning and Growth Perspective dan 3 KAI untuk Resource Perspective. Antara program berimpak tinggi yang dirancang bagi tahun 2016 adalah meningkatkan kandungan digital perpustakaan yang merupakan KAI UTM, jalinan komuniti dan kepuasan pelanggan.

Secara keseluruhannya, Perpustakaan UTM telah merekodkan kejayaan dengan mencapai KAI yang disasarkan pada tahun 2016. Rajah di bawah menunjukkan prestasi pencapaian dengan 21 KAI mencapai piawai yang ditetapkan dengan pencapaian 100%, 5 KAI mencapai 90 - 99%, 2 KAI mencapai prestasi 60 – 89% dan 4 KAI mencapai 60 - 79 %.






Information Excellence

# **PENGURUSAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan UTM terdiri daripada Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM JB, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah UTM JB, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM KL dan 13 buah Perpustakaan Fakulti. Jumlah keseluruhan staf Perpustakaan UTM sehingga tarikh 31 Disember 2016 adalah seramai 204 orang. Jumlah staf yang aktif adalah seramai 199 orang, termasuk 3 orang staf sedang cuti tanpa gaji dan 2 orang staf sedang cuti belajar bergaji penuh.



Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM JB mempunyai 108 orang staf dan 13 orang ditempatkan di 13 fakulti termasuk Sekolah Pengajian Siswazah dan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD). Seramai 48 orang staf di tempatkan di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan seramai 30 orang staf ditempatkan di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTMKL.

**154** KUMPULAN PELAKSANA



Pada tahun 2016, 5 orang Pustakawan telah dinaikkan pangkat dan 3 orang staf pelaksana dinaikkan pangkat dari S17 ke S22. Seramai 3 orang staf dari kumpulan pengurusan dan profesional serta 9 orang staf dari kumpulan pelaksana terlibat dengan lantikan staf baru yang berstatus tetap. Seramai 8 orang staf perpustakaan yang bersara sepanjang tahun 2016 dan majlis meraikan staf yang bersara telah diadakan pada 20 Januari 2016 bersekali dengan Amanat Ketua Pustakawan 2016.

Seramai 15 orang staf telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi pencapaian prestasi sepanjang 2015. Majlis Penganugerahan APC pada Citra Karisma telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar pada 31 Mei 2016. Penerima anugerah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00 sebagai menghargai pencapaian cemerlang mereka dalam membangunkan organisasi. Semasa Majlis Citra Karisma 2015 ini juga Perpustakaan UTM telah memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan kali ke 3, dan Anugerah Teknologi Maklumat - Anugerah Webometrics UTM 2015 bagi kategori Bukan Akademik untuk kali ke 4 berturut-turut. Perpustakaan UTM telah mengendalikan 74 kursus dalaman yang telah diadakan di dalam Perpustakaan UTM dan kawasan sekitar UTM.







Terdapat peningkatan dari segi penganjuran kursus bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 walaupun kekangan peruntukan. Di samping kursus yang dianjurkan secara dalaman, Perpustakaan UTM juga turut menghantar staf untuk mengikuti kursus di luar UTM sama ada di dalam Johor atau di luar Johor. Terdapat pengurangan dari segi bilangan staf yang dihantar menghadiri kursus anjuran luar kerana kekangan peruntukan. Perpustakaan UTM selektif dalam memilih kursus luar yang perlu dihadiri oleh staf dan memberi keutamaan kepada kursus atau seminar yang mempunyai impak kepada perpustakaan.

Perpustakaan UTM setiap tahun dipilih oleh pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM bagi mengikuti program latihan industri. Sepanjang tahun 2016, 7 orang pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan & Pengurusan Pusat Sumber, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM telah mengikuti latihan industri selama 5 bulan di Perpustakaan UTM. Perpustakaan UTM juga menerima 3 orang pelajar praktikal daripada Fakulti Kemanusiaan, Universiti Chiang Mai, Thailand selama 2 bulan mulai 1 Jun 2016 hingga 29 Julai 2016. Kumpulan pelajar ini adalah kumpulan pertama pelajar antarabangsa yang menjalani latihan industri di Perpustakaan UTM.

# PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN


Bagi tahun kewangan 2016, Perpustakaan UTM telah menerima peruntukan perbelanjaan berjumlah RM23,451,617.56 dari peruntukan mengurus universiti, tabung penyelidikan universiti dan Tabung Amanah Perpustakaan UTM. Prestasi perbelanjaan mengurus sehingga Disember 2016 adalah RM22,901,276.29 juta iaitu 94.2 % dari peruntukan yang diterima.




# **PEMBANGUNAN KOLEKSI**

# PEMBANGUNAN KOLEKSI


Bagi menggerakkan aktiviti perolehan bahan dan jurnal pada tahun 2016, sejumlah RM10,712,014.92 telah diluluskan dimana RM9,228,000.00 adalah untuk pembelian dan langganan jurnal serta media elektronik. Bajet untuk keperluan ini sentiasa diberi perhatian dan keutamaan agar pengguna dapat mengakses maklumat secara optimum walau di mana mereka berada. Baki selebihnya bernilai RM500,000.00 dikhurasukan untuk pembelian buku dan bahan pandang dengar. Sebanyak RM304,750.00 daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan kepada pihak Perpustakaan UTMKL untuk aktiviti perolehan buku Perpustakaan UTMKL.




Carta di atas menunjukkan jumlah peruntukan yang diterima dalam tempoh lima (5) tahun terakhir iaitu tahun 2012 – 2016. Berdasarkan carta, jumlah peruntukan yang diterima pada tahun 2012 dan 2013 adalah sama sebanyak RM15,000,000.00 juta. Pada tahun 2014, jumlah peruntukan meningkat sebanyak 6% menjadikan jumlahnya sebanyak RM15,900,000. Mulai 2015, peruntukan Vot Mengurus yang diterima telah menunjukkan penurunan berterusan. Pada 2015, peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM 12,282,070.00 yang melibatkan penurunan sebanyak 23%. Kemudian, pada tahun 2016 ia menurun lagi sebanyak 21% kepada RM 9,728,000.00. Penurunan peruntukan yang ditambah lagi dengan kenaikan kadar tukaran mata wang asing memberi impak terhadap aktiviti pembangunan koleksi perpustakaan. Dengan kenaikan harga bahan rujukan, situasi ini menuntut kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat agar nisbah bahan berbanding pelajar dapat dikenalkan pada kadar yang ditetapkan.



Carta di atas menunjukkan jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga Disember 2016 bagi semua kategori bahan adalah sebanyak 5,360,345 naskhah. Terdapat peningkatan sebanyak 5.84% berbanding jumlah koleksi perpustakaan pada tahun sebelumnya sebanyak 5,064,554 naskhah. Bahan media elektronik berada pada paras tertinggi diikuti bahan monograf dimana masing-masing mencatat jumlah sebanyak 4,245,045 dan 682,233 naskhah. Bahan UTM Institutional Repository mencatatkan sebanyak 50,275 dan 91,038 bahan Data Management System telah dimasukkan ke dalam stok perpustakaan mulai tahun 2014. Jumlah yang dicatat adalah hasil perolehan daripada pelbagai sumber sama ada belian, langganan, serahan, hadiah dan juga hasil penulisan staf dan pelajar UTM.



Pada tahun 2016, koleksi kepada artikel dalam pangkalan data e-jurnal telah meningkat sebanyak 16% menjadi 1,482,529 judul berbanding tahun 2015. Manakala tajuk e-tesis juga meningkat sebanyak 0.5% iaitu pertambahan 14,299 judul. E-standard, e-buku dan e-video mengalami penurunan yang drastik kerana Perpustakaan telah menamatkan langganan beberapa pangkalan data bagi e-buku, e-standard dan e-video. Masing-masing mengalami penurunan sebanyak 31,083 (33.4%) judul bagi e-buku, 1,895 (92%) judul bagi e-video dan e-standard sebanyak 118,179 (63.3%) judul.



# PEMBANGUNAN KOLEKSI GALERIUM

Unit Galerium bertanggungjawab memperolehi koleksi galerium yang mempunyai nilai sejarah, pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Selain daripada inisiatif bahagian bagi membangun koleksi galerium, Unit Galerium turut menerima sumbangan aset dari pusat tanggungjawab di UTM secara sukarela. Jumlah perolehan koleksi galerium pada tahun 2016 meningkat sebanyak 34.5% berbanding pada tahun 2015. Berikut adalah perincian sumbangan dari pusat tanggungjawab UTM.

KOLEKSI	SUMBER
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meja Keris Kuasa</li> <li>• Potret wajah 6 Perdana Menteri Malaysia</li> <li>• Radio era ITK</li> <li>• Video kamera (National) yang dibeli pada tahun 1986</li> </ul>	Stor Lopus, Bendahari UTM
Kamera lama pertengahan tahun 1970an sehingga awal tahun 2000an yang digunakan oleh jurufoto UTM	Hal Ehwal Korporat & Stor Lopus, Bendahari UTM
Kerusi pertama kegunaan Canselor dalam Majlis Konvokesyen UTM	Stor Lopus, Bendahari UTM
Banter & bunting Majlis Pemasyhuran PRZS	Bahagian Repozitori Metadata, Perpustakaan UTM
Dokumen lama Bendahari <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kertas komputer 15" x 11"- 3 ply NCR/slip gaji Bendahari kosong</li> <li>• Baucer bayaran kosong</li> <li>• Tag Verikasi Harta Tetap UTM</li> <li>• Borang KEW.8 (Perubahan Pendapatan Kakitangan)</li> </ul>	Bendahari UTM
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralatan sistem kerangka Utama UTM</li> <li>• Backup tape</li> <li>• Manual</li> </ul>	Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM
Watikah perlantikan Pro-Canselor	Pejabat Pendaftar, UTM
<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'Data Catridge Tape' (DC6150)</li> <li>• 'Tape Catridge (1/2 inch)</li> </ul>	Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM
Hiasan pentas kayu Majlis Konvokesyen UTM	Pejabat Harta Bina, UTM
Kertas cetakan dot-matrik	Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM
Buku daftar graduan ITK (penyalinan semula)	Unit Galerium, Perpustakaan UTM
Watikah perlantikan Pro - Canselor	Pejabat Pendaftar, UTM
Foto digital sejarah dan peristiwa UTM	Unit Media Kreatif, Pejabat Hal Ehwal Korporat, UTM



Unit Galerium mengorak langkah lebih jauh dalam konteks projek kolaborasi antara pusat tanggungjawab di UTM. Unit Galerium telah bekerjasama dengan Pejabat Naib Canselor, Pejabat Harta Bina dan Pejabat Hal Ehwal Korporat dalam penyediaan poster di luar dan dalam Dewan Senat, UTM. Gerak kerja telah dimulakan pada bulan November 2016 dan projek ini dijangka akan disiapkan pada awal tahun hadapan.

Di peringkat kebangsaan Perpustakaan UTM merupakan ahli Jawatankuasa Muzium dan Galeri Universiti Awam (MY Muse). Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 2015 dan mengadakan mesyuarat secara berkala. Ini telah berjaya membantu Bahagian Galerium memantapkan jaringan kerjasama dan kolaborasi di kalangan ahli bagi meningkatkan pembangunan dan pengurusan Galerium.



# PEMBANGUNAN MULTIMEDIA

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 120 acara telah dirakamkan oleh Unit Pembangunan Multimedia seterusnya menghasilkan 1200 naskhah gambar. Acara yang dirakamkan termasuk gambar-gambar untuk keperluan penerbitan Buletin Perpustakaan, Laporan Tahunan Bahagian, Laporan Tahunan Perpustakaan dan sebagainya. Sebahagian koleksi gambar ini dimasukkan ke laman web gambar Perpustakaan UTM di URL <http://library.photos.utm.my>. Manakala, keseluruhan gambar asal di simpan di dalam DVD dan diserahkan ke Unit Koleksi Khas Perpustakaan UTM sebagai simpanan kekal.



YouTube MY

uppm perpustakaan utm


UPPM Perpustakaan UTM Videos Playlists Channels Discussion About

**Majlis Persaraan dan Perpisahan Staf Perpustakaan UTM 2016**  
24 views • 1 year ago

**Amanat Tahun Baru 2016 Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM**  
30 views • 1 year ago



**Bicara Karya: THE FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION**  
37 views • 1 year ago

**Bicara Karya: A CONCEPTUAL BUSINESS MODEL FOR MASSIVE OPEN ONLINE COURSES (MOOC) SUSTAINABILITY IN HIGHER EDUCATION**  
54 views • 1 year ago






Penyenggaraan Bahan Multimedia



Penyenggaraan Alat Multimedia

# PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

# PENGURUSAN DATA PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN UTM




## TUNTUTAN INSENTIF 2016

- RM 2,764,400.00 pembayaran untuk tahun 2016
  - Sebanyak 2,662 permohonan telah diluluskan
  - 1,561 - Penerbitan 2015 RM1.36 juta  
1,101 - Penerbitan 2016 RM1.38 Juta
  - 1,140 - Scopus  
● 1,333 - Web of Science  
4 - ERA
  - Kekuatan 2 pegawai pengesah  
2 pegawai meluluskan 1 staf penghantaran ke Bendahari UTM
- 01** Peningkatan RM558,950 berbanding 2015
- 02** ✓ Peningkatan permohonan sebanyak 1,067 berbanding 2015
- 03** \$ RM1.8 juta bagi tahun 2016 dan baki adalah dari perbelanjaan tahun 2015
- 04** Keseluruhan penerbitan berindek 2016 melebihi 3,200 penerbitan
- 05** ✉ Proses pengesahan dan kelulusan permohonan mengikut kualiti ISO dalam tempoh 2 minggu bekerja


# PENDIDIKAN PENGGUNA

Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat ini dikategorikan kepada tiga kategori iaitu Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas, Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan termasuk Kelas EndNote dan UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat. Seterusnya, Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat Penyelidikan pula merangkumi Kursus Kaedah Penyelidikan, Kelas Kemahiran Perpustakaan Pasca Ijazah dan Kelas Endnote. Kelas-kelas ini dijalankan di Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur.




# PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Keseluruhan permohonan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan atau *Inter Library Loan* mengikut kategori pemohon dirangkumkan dalam jadual di sebelah. Keseluruhan permohonan *ILL* mengikut kategori pemohon bagi tahun 2016 ialah 603, iaitu penurunan sebanyak 50 permohonan berbanding permohonan tahun 2015 dengan jumlah 653.



## PANGKALAN DATA: PENGGUNAAN, AKSES DAN PROMOSI

Berdasarkan data berikut sebanyak 9,918,986 akses dicatatkan pada tahun 2016, berbanding 12,897,188 pada tahun sebelumnya. Akses pangkalan data ini mengambil kira jumlah sesi (*session*), carian (*search*), paparan (*view*) dan muat turun (*download*). Terdapat penurunan sebanyak 23% jika dibandingkan dengan tahun 2015. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan langganan pangkalan data daripada 81 pangkalan data kepada 36 pangkalan data pada tahun 2016.



## KOLABORASI BERSAMA PENERBIT PANGKALAN DATA

Tahun 2016 telah menyaksikan kerjasama dijalankan antara Perpustakaan UTM dan vendor atau penerbit pangkalan data bagi menjayakan pelbagai program promosi. Program promosi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap koleksi pangkalan data langganan UTM. Sebanyak 13 sesi program promosi yang telah dijalankan pada 2016 dengan jumlah penyertaan 427 orang berbanding dengan 11 sesi dengan 1,576 orang pada tahun 2015. Program promosi adalah berbentuk latihan menggunakan pangkalan data dan juga bengkel yang memberi tumpuan kepada penerbitan ilmiah. Ini merupakan usaha Perpustakaan menyokong aktiviti penyelidikan dan penerbitan Universiti.

**Latihan Pangkalan Data BLIS (9 Mac 2016)**  
Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
- BERNAMA



● **Datastream Training 1/2016 (12 April 2016)**

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
- Thomson Reuters



● **Gartner Walkthrough With UTM (12 April 2016)**  
Fakulti Komputeran - Gartner



● **Workshop for Editors: How to Get Your Journal Indexed in Scopus (3 Mei 2016)**

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
- Elsevier



**SciFinder Training (1 Jun 2016)**

Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah  
Chemical Abstract Service

**Datastream Training 2/2016 (10 Nov 2016)**

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Thomson Reuters

**Academic Publishing Workshop : How to be an Effective Communicator (20 Sept 2016)**

Bangunan Sultan Ibrahim - Springer

**Using Scopus and Science Direct as Publication & Research Tools (15 Nov 2016)**

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Elsevier

**Lexis Malaysia Database (25 Okt 2016)**

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Lexis Malaysia


**Turnitin - Training for Instructor (22 Nov 2016)**

Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Access Dunia



## LAWATAN AKADEMIK

Sepanjang tahun 2016, Perpustakaan UTM telah menerima 71 lawatan dari dalam dan luar negara. Seramai 2,602 orang pelawat dari dalam dan luar negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan, agensi swasta, sekolah dan orang awam.





# PAMERAN

Aktiviti pameran dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Penyelidikan serta Unit Galerium. Pameran dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti yang mendokong pemupukan budaya keilmuan telah dijalankan Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur sebanyak 17 kali sepanjang tempoh 2016 seperti berikut:

BIL.	PAMERAN	LOKASI
1	<i>Student Societies and Entrepreneurial Exhibition</i>	Dewan Sultan Iskandar
2	<i>The Majestic Horses</i>	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
3	Kempen Kesedaran Dadah	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
4	Pameran Arkib : Permaisuri Raja Zarith Sofiah	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
5	Pameran Raja Kita	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
6	<i>Poems by TESL Students</i>	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
7	Teraju UTM Terdahulu	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
8	Memartabat Ilmu, Melestari Kecemerlangan	Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, Johor Bahru
9	Biarlah Kami Berbicara Tentang Malaysia yang Merdeka	Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor Bahru
10	Seni Visual Hipster Melalui Eksperimentasi Idea dan Bahan	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
11	Pameran KIEP	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan, Johor Bahru
12	Ekspresi Qalam	Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor Bahru
13	Batik : Jalinan Alam	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru
14	Pameran Impak Perubahan Cuaca	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Kuala Lumpur
15	Pameran Buku Q 2016	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Kuala Lumpur
16	Pameran Buku T 2016	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Kuala Lumpur
17	Pameran Sambutan Hari Kebangsaan	Perpustakaan Sultanah Zanariah, Kuala Lumpur



# PROGRAM BUDAYA ILMU

Selaras dengan hala tuju pentadbiran negara untuk mewujudkan masyarakat kaya maklumat serta keperluan universiti untuk membentuk modal insan secara holistik, Perpustakaan UTM terus komited dalam melaksanakan program budaya ilmu yang melibatkan aktiviti seperti program Perkongsian Ilmu (K-Sharing) dan Bicara Karya sepanjang tahun 2016.

Program Perkongsian Ilmu dan Bicara Karya melibatkan ahli panel di kalangan tokoh atau pakar dalam sesuatu bidang samada dari dalam UTM mahupun di undang khas dari organisasi luar. Bertujuan untuk menjana pemikiran kritis, memupuk kewibawaan peribadi, meningkatkan kapabiliti di kalangan staf akademik, pengurusan serta semua mahasiswa bagi mencapai hasrat ke arah kecemerlangan holistik mencakupi aspek akademik dan kemahiran insaniah. Beberapa aktiviti yang berkaitan pemupukan budaya keilmuan telah dianjurkan sebagai medan perkongsian maklumat, pengalaman dan suntikan motivasi dari ahli panel terpilih dalam pelbagai bidang sepertimana berikut :

**3 Mac 2016**  
 Bicara Karya: Kelestarian Pendidikan Tinggi Ke Arah Penghasilan Berimpak oleh Wahid Omar  
 PM Dr. Kassim Tukiman (Pengarah Penerbit UTM Press)



**17 Mac 2016**

Bicara Karya: Random Kindness And Senseless Acts Of Beauty  
 Aina Yasmin Zulhaimi & Nurmiza Nabilah Bushran  
 (Pelajar Fakulti Perkomputeran)



**22 Mac 2016**

K-Sharing: Our Turning Point: Entrepreneurial University  
 Tan Sri Dato' Mohd Ramli Kushairi



**27 Mac 2016**

Bicara Karya: A Conceptual Business Model For Moocs Sustainability In Higher Education  
 Nur Fadzleen Sadon, Rose Alinda Alias dan Naoki Ohshima



**12 April 2016**

Bicara Karya: The Fourth Industrial Revolution  
by Klaus Schwab  
Dato' Prof Dr. Mohd Ismail bin Abdul Aziz  
(Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal  
Mahasiswa dan Alumni)

**14 April 2016**

K-Sharing: Pemakanan Sunnah Rasulullah  
Ustaz Mahyudin Md Sarip  
(Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UTMJB)

**25 April 2016**

Bicara Karya: A Trial of Endurance: Track to Everest  
Based Camp  
En. Sabri Ahmad  
(Penolong Pendaftar Unit Media & Perhubungan  
Luar, Pejabat Hal Ehwal Korporat, UTMJB)

**13 Mei 2016**

K-Sharing: Program K-Sharing - OJT Japan  
En Nasir Osman

**8 Mei 2016**

Bicara Karya: Mentaliti Jamban oleh Khairul Abdullah  
En. Khairul Abdullah  
(Penulis, Blogger & Jurufoto Bebas)

**24 Mei 2016**

Bicara Karya: Lean In: Women, Work and The Will To Lead by Sheryl Sandberg  
Prof. Dr. Rose Alinda Alias (Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa)

**27 Mei 2016**

Bicara Karya: Mentaliti Jamban oleh Khairul Abdullah  
En. Khairul Abdullah  
(Penulis, Blogger & Jurufoto Bebas)

**1 Jun 2016**

Bicara Karya: Pengurusan dan Pembahagian Harta  
Pusaka  
Tuan Haji Wan Abdul Halim Wan Harun



**23 Ogos 2016**

K-Sharing: Forecasting the impact of the U.S presidential election 2016 towards global interest  
Mr. Kyle Kondik, Communications Director, University of Virginia Center for Politics.

**20 September 2016**

K-Sharing: Minyak Kelapa Dara( VCO ) & Metabolisma  
Prof Dr. Mohd Roji b. Sarmidi

**26 September 2016**

K-Sharing : Bicara Kemerdekaan  
PM Dr Kassim Thukiman

**13 Oktober 2016**

Bicara Karya : Budaya Ilmu: Satu Penjelasan  
Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud

**30 November 2016**

K-Sharing : Fungsi dan Peranan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta  
Pn Siti Jaliah Binti Adam-Pegawai Penilai, JPPH

**30 November 2016**

K-Sharing:Kendali Ubat Anda  
Pn Raudathun Sa'adiah Binti Ithnin  
(Ketua Penolong Pengarah, Bhg. Perkhidmatan Farmasi Johor )

**13 November 2016**

K-Sharing: Bekalan Air di Johor : Non-Revenue Water (NRW) dan Kepentingannya  
Encik Khairul Effendi Tusam(CEO Ranhill Water Sdn Bhd)

**20 Disember 2016**

Bicara Karya: Sejarah Natrah - Kepentingan Jati Diri dan Kasih Agama  
Puan Sri Fatini Yaacob



## ROADSHOW & BENGKEL PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Program roadshow dan bengkel penerangan berkaitan penyelidikan dan penerbitan merupakan inisiatif yang dibuat oleh Perpustakaan UTM dalam mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan kepada pengguna. Aktiviti utama yang dijalankan sepanjang program adalah :

1. Taklimat yang merangkumi perkhidmatan, kemudahan, pembayaran insentif penyelidikan serta isu berkaitan penyelidikan dan penerbitan.
2. Khidmat perundingan pangkalan data atas talian, perundingan jurnal berimpak tinggi, jurnal impak faktor dan h-indeks, Turnitin, Endnote dan RADIS, perkhidmatan perpustakaan, cadangan pembelian buku dan jurnal, pemulangan dan peminjaman buku, kemaskini data pengguna, sumbangan buku dan pendaftaran kelas perpustakaan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 24 program roadshow dan bengkel penerangan berkaitan penyelidikan dan penerbitan telah diadakan oleh Perpustakaan UTM di Johor Bahru dan Kuala Lumpur.



# KARNIVAL PERPUSTAKAAN UTM

Karnival Perpustakaan UTM telah diadakan di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah pada 30 November 2016. Tujuan karnival ini diadakan adalah sebagai satu usaha untuk menyebar luas peranan dan perkhidmatan perpustakaan kepada pengunjung yang hadir. Karnival Perpustakaan UTM dirasmikan oleh Dr. Hajjah Kamariah Binti Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UTM dengan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Ketua Bahagian, staf UTM dan pengunjung yang hadir di Karnival Perpustakaan UTM.

Kerjasama antara perpustakaan dan agensi kerajaan diwujudkan di dalam karnival ini untuk memberi pendedahan peranan agensi berkenaan kepada orang ramai sekaligus memeriahkan karnival pada kali ini. Di antara booth disediakan adalah khidmat runding rujuk Perpustakaan UTM, Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta, Duta Jauhar, Ecotourism UTM dan Institut Bioproduk UTM. Terdapat juga pameran kenali ubat dan perkongsian maklumat oleh Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta dan Bahagian Farmasi Johor. Selain itu food truck dan mini tapak turut memeriahkan karnival ini.



# PENGURUSAN KUALITI

## PENGURUSAN KUALITI

### PERPUSTAKAAN UTM MENERIMA PENSIJILAN VERSI BAHARU SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015

Perpustakaan UTM terus kekal cemerlang dalam Sistem Pengurusan Kualiti dengan menjadi Perpustakaan Universiti Awam pertama di Malaysia yang berjaya memperoleh pensijilan versi baharu ISO 9001:2015 bermula 5 Disember 2016 sehingga 28 November 2019.

Usaha menaik taraf pensijilan ini telah bermula pada penghujung tahun 2015 iaitu setelah versi baharu ISO 9001:2015 diterbitkan pada September 2015. Langkah pertama bermula dengan pendedahan awal mengenai ISO 9001:2015 melalui satu Bengkel Kefahaman ISO 9001:2015 pada 23 Disember 2015 yang disampaikan oleh Puan Noraziah binti Sharuddin, Wakil Pengurusan Perpustakaan UTM dan telah dihadiri oleh semua Pustakawan UTM di Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

Perpustakaan UTM terus mengorak langkah kehadapan walaupun berdepan dengan masalahkekangan kewangan. Satu inisiatif telah diambil dengan menganjurkan satu kursus bertajuk "Kursus Implementasi ISO 9001:2015 Perkhidmatan Perpustakaan Perspektif Pengurusan Risiko" pada 4-6 April 2016 bertempat di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru. Kursus ini telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan, Dr. Hajjah Kamariah binti Nor Mohd. Desa dan dikendalikan oleh Profesor Madya Mohd. Shoki bin Md. Ariff. Kursus ini telah berjaya menarik lebih kurang 40 peserta dari Universiti Awam di Malaysia.

Usaha digiatkan lagi dengan mengadakan Kursus Pendekatan Audit Dalam Mengikut Keperluan ISO 9001:2015 dan Pemantapan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan UTM pada 9 Mei 2016 di Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru yang dihadiri oleh Ketua Bahagian dan pemilik proses.



Kemudian diikuti dengan sesi Audit Dalam yang berlangsung selama 2 minggu bermula pada 17 Julai 2016 sehingga 28 Julai 2016. Sesi Audit Dalam ini diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalam Perpustakaan UTM, Puan Zaleha binti Atan dan seramai 16 orang Juruaudit Dalam terlibat. Sesi audit kali ini lebih tertumpu kepada aspek pengurusan risiko dalam pendekatan proses yang dilaksanakan di Perpustakaan.

Perpustakaan telah menerima kunjungan 2 orang juruaudit dari pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang menjalankan sesi Audit Pensijilan semula dan naik taraf Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 ke versi baharu ISO 9001:2015. Proses audit selama 3 hari ini melibatkan Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru manakala 2 hari di Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Kuala Lumpur.



## PEMBUDAYAAN KUALITI MELALUI PROGRAM KUALITI

### STANDARD PEOPLE PRACTICE (SPP)

Pada tahun 2016, Ahli Jawatankuasa Latihan SPP dengan kerjasama Jawatankuasa Program Bahasa Inggeris (*Liaison Officer*) telah mengadakan 4 sesi latihan Corporate Standard People Practice yang melibatkan semua staf di Perpustakaan Sultanah Zanariah dan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Aktiviti ini merupakan salah satu inisiatif bagi memantapkan lagi amalan membudayakan SPP di Perpustakaan dan juga sebagai pendedahan kepada staf yang baru melapor diri di Perpustakaan. Secara kesimpulannya, setiap peserta yang menghadiri latihan ini memberi reaksi yang baik dan merasakan ianya amat berguna bagi keperluan kerja dan perlu diadakan secara berterusan pada masa akan datang.



# Citra Karisma

Majlis Anugerah Kecemerlangan &  
Penghargaan UTM 2016

*Tahniah*



# **ANUGERAH & KECEMERLANGAN**

# ANUGERAH DAN KECEMERLANGAN

Perpustakaan UTM telah memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan kali ke 3, dan Anugerah Teknologi Maklumat - Anugerah Webometrics UTM 2015 bagi kategori Bukan Akademik untuk kali ke 4 berturut-turut pada Majlis Citra Karisma 2015 telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar pada 31 Mei 2016. Perpustakaan UTM membawa pulang wang tunai bernilai RM20,000 beserta trofi dan sijil penghargaan. Penyampaian anugerah yang perprestij dan menjadi rebutan di peringkat UTM ini setiap tahun telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTM.

## FAKTA:

**03**

Perpustakaan UTM telah memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan kali ke 3

**04**

Anugerah Webometrics UTM 2015 bagi kategori Bukan Akademik untuk kali ke 4 berturut-turut



Anugerah Webometrics UTM 2015 bagi kategori Bukan Akademik untuk kali ke 4 berturut-turut



Perpustakaan UTM telah memenangi Anugerah Kualiti Perkhidmatan kali ke 3




# KECEMERLANGAN UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY (UTM-IR) DI RANKING DUNIA

Perpustakaan UTM telah melakarkan sejarah kegemilangan melalui pencapaian UTM Institutional Repository (UTM-IR) dengan kedudukan antara 100 Webometric Ranking terbaik di dunia bagi kategori Ranking Web of Repositories dari tahun 2009 sehingga 2015. Walau bagaimanapun, Webometric Ranking UTM-IR bagi kategori Top Institutions dalam Ranking Web of Repositories telah terjejas buat pertama kalinya dan berada di kedudukan yang rendah iaitu tangga ke-1010 pada Januari 2016. Kejatuhan ini adalah disebabkan oleh perubahan sistem pemarkahan Webometric Ranking 2016. Beberapa inisiatif dan tindakan segera telah diambil dan hasilnya Webometric Ranking UTM-IR telah meningkat

semula di anak tangga ke-255 dalam rank dunia pada Julai 2016.

Di peringkat Malaysia pula, Webometric Ranking UTM-IR berada di tangga ke-20 pada Januari 2016, dan terus meningkat ke tangga ke-3 pada Julai 2016. UTM-IR masih mengekalkan kedudukannya di antara repositori institusi terbaik dalam ranking Malaysia selepas USM dan UPM.

UTM-IR merupakan antara penyumbang terbesar dalam penarafan Webometric UTM dan Webometric Perpustakaan UTM. Perpustakaan UTM telah menerima Anugerah Webometric UTM (PTJ Kategori Bukan Akademik) empat tahun berturut-turut dari tahun 2012-2015 di Majlis Citra Karisma UTM.



Pencapaian UTM-IR Dalam Ranking Web of Repositories (2009-2016) :  
Kategori Top Institutions (World Rank) / Malaysia Rank

# PERSIDANGAN PUSTAKAWAN

# PERSIDANGAN PUSTAKAWAN 2016

Perpustakaan UTM meneruskan tradisi musyawarah di antara pustakawan pada setiap hujung tahun menerusi Persidangan Pustakawan. Pada tahun ini, ia diadakan pada 1 Disember 2016 di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Ia dihadiri oleh Pustakawan dari Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

Bengkel pra persidangan telah diadakan pada 28 dan 29 November 2016 bagi membincangkan KAI Perpustakaan UTM dan membuat cadangan penambahbaikan KAI bagi tahun 2017. Pustakawan telah dibahagikan kepada 6 kumpulan bagi sesi perbincangan dan pembentangan diadakan pada 29 November 2016.

Persidangan yang diadakan pada 1 Disember 2016 dimulakan dengan ucapan aluan Ketua Pustakawan, Dr Hajjah Kamariah Binti Nor Mohd Desa. Beliau menarik perhatian pustakawan melalui perkongsian dari retreat Lembaga Pengarah UTM yang sarat dengan misi, strategi serta halatuju UTM pada tahun 2017. Pustakawan juga diminta bersedia dengan tuntutan dunia akademia baru yang lebih kompleks di samping mengekalkan konsep amanah, hikmah dan ihsan dalam diri. Program diteruskan lagi dengan pembentangan pencapaian Key Amal Indicators (KAI) 2016 serta sasaran KAI 2017 oleh Timbalan Ketua Pustakawan (TKP) bagi setiap portfolio iaitu Perancangan dan Pembangunan, Perkhidmatan, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan Perpustakaan UTMKL. Rumusan persidangan disampaikan oleh Ketua Pelapor, Puan Syahrannah A. Raqi diikuti dengan ucapan penutup daripada Ketua Pustakawan.



# **KHIDMAT KOMUNITI**

*Information Excellence*

# KHIDMAT KOMUNITI

## 13 Jan 2016

Program Outreach Perpustakaan UTM  
Kuala Lumpur :Masjid Al-Muttaqim sempena  
Hari Bersama Jemaah, Wangsa Maju



## 13 Mac 2016

Sumbangan Bahan Bacaan Bagi Pusat  
Sumber Sekolah Kebangsaan Punan,  
Kluang, Johor



## 26 Mac 2016

Program Outreach Perpustakaan UTM  
Kuala Lumpur : Program Bersama Pelanggan  
Anjuran Persatuan Alumni KL



## 3 April 2016

Karnival Bahasa dan Program Nilam Sekolah  
Menengah Taman Daya, Pasir Gudang,  
Johor Masjid Al-Muttaqim sempena Hari  
Bersama Jemaah, Wangsa Maju



## 21 Mei 2016

Program Khidmat Masyarakat di Pertubuhan  
Kebajikan Anak Yatim Islam Pontian



### 25 Julai 2016

Penubuhan UTMRS di SMK Sri Keramat,  
Kuala Lumpur



### 16 Ogos 2016

Penubuhan UTMRS di SMK Polis Depot,  
Kuala Lumpur



### 24 Ogos 2016

Program Outreach Perpustakaan UTM  
Kuala Lumpur :  
QS Conference, Sunway Putra Hotel KL



### 8 September 2016

Program Literasi Maklumat bersama SMK Seri  
Keramat, Kuala Lumpur



### 28 September 2016

Program Outreach Perpustakaan UTM  
Kuala Lumpur  
Program Persada Minda JKR, JKR HQ



# **PERISTIWA PENTING**

# PERISTIWA PENTING SEPANJANG 2016

## 21 Januari 2016

Program Attachment Pendaftar Great Zimbabwe Universiti Ke Perpustakaan UTM



## 2 – 3 Februari 2016

Latihan sangkut Unit Galerium di Muzium Diraja Abu Bakar, Johor Bahru



## 15 Mac 2016

Audit Bagi Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2015 (AKKP 2015)



## 27 Jun 2016

Pembentangan Pelajar Praktikal dari UiTM



## 7 Julai 2016

Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Perpustakaan UTM



## 18 Julai 2016

Lawatan Dari Ecotourism UTM Pejabat Harta Bina Dan Agenzi Perlancungan Malaysia Ke Galerium UTM



### 28 Julai 2016

Pembentangan Pelajar Praktikal dari Universiti Chiang Mai, Thailand



### 8 Ogos 2016

Perpustakaan UTM menerima WOS Award



### 10 Ogos 2016

Pemindahan Gerbang Kayu Majlis Konvoksyen UTM untuk koleksi Galerium Perpustakaan UTM



### 10 November 2016

Latihan Fire Drill di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah



### 17 November 2016

Pembentangan Kolokium attachment di Muzium Diraja Abu Bakar, Johor Bahru



### 30 November 2016

Karnival Perpustakaan UTM



## 15 Disember 2016

Perbincangan Bersama Perwakilan Mahasiswa UTM



## 29 Disember 2016


Pembentangan Pelajar Praktikal dari UiTM



## STATISTIK PERKHIDMATAN

2015

**49**  
**168**

**130,989****708,061****629,082****1,940****653****12,897,188****JUMLAH STAF****PROFESIONAL****PELAKSANA**

2016

**50**  
**154**

**PINJAMAN BAHAN****128,936****PENGUNJUNG  
MAYA****593,477****PENGUNJUNG  
FIZIKAL****643,402****PENDIDIKAN  
PENGGUNA****2,197****PERMOHONAN  
ILL****603****AKSES KEPADA  
PANGKALAN DATA****9,918,986****KAJIAN  
KEPUASAN STAF  
PERPUSTAKAAN  
UTM****94.5%**

## JAWATANKUASA PENERBITAN

Penasihat	DR. HAJJAH KAMARIAH BINTI NOR MOHD DESA
Ketua Editor	HASLINA BINTI OTHMAN
Editor	ZAFARINA BINTI DOL
Sidang Pengarang	NOR ASIKIN BINTI MOHAMAD NIK MASRIZA BINTI ZAKARIA ZALEHA BINTI ATAN BADARIAH BINTI BORHAM NORAINI BINTI YAHYA KAMARIAH BINTI MOHAMED JONG MOHD NASIR BIN IBRAHIM HASLINA BINTI NASIR
Rekabentuk dan Grafik	MOHD AZMI BIN HAJI JUFRI FAIZAL BIN FADZIL AHMAD NURUL FAHMI BIN MOHAMAD ZAJULI
Jurufoto	WAN JAMAL BIN MOHD ARIFF
Edaran	NORAZALINA BINTI A. SAMAD AZHARUDDIN BIN AZMI

## LAPORAN TAHUNAN 2016

**PERPUSTAKAAN UTM**

Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM Skudai  
Johor Bahru

Tel : 07-553-0188 (Kaunter Sirkulasi)  
: 07-553-1137 (Perunding Sokongan Penyelidikan)  
Fax : 07-557-2555

[www.library.utm.my](http://www.library.utm.my)